



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **WILAYAH PERSEKUTUAN PERKUKUH VISI BANDAR CHASE MELALUI INISIATIF BANDAR PINTAR DI SMART NATION EXPO**

**KUALA LUMPUR, 20 NOVEMBER 2024** – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Dr. Zaliha Mustafa, hari ini melancarkan logo rasmi Inisiatif Bandar Pintar Wilayah Persekutuan di Smart Nation Expo yang berlangsung di MITEC, Kuala Lumpur.

Pelancaran ini menandakan komitmen kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Wilayah Persekutuan melalui pendekatan bandar pintar yang inovatif. Di bawah payung Bandar CHASE (*Clean, Healthy, Advanced, Safe dan Eco-friendly*), inisiatif ini bertujuan untuk memperkuuh tadbir urus bandar serta mempersiapkan Wilayah Persekutuan untuk menjadi setanding dengan bandar pintar bertaraf dunia melalui tujuh komponen utama iaitu: Smart Governance, Smart Economy, Smart Living, Smart People, Smart Mobility, Smart Environment dan Smart Digital Infrastructure.

Pelaksanaan kepada inisiatif bandar pintar ini akan diteraskan kepada dokumen strategik Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan 2030 (MySmartWilayah 2030) yang telah diperkenalkan sejak April 2021 merangkumi 25 dasar strategik, 76 tindakan utama, 118 indikator dan 25 KPI utama.

Blueprint ini turut diperkuatkan dengan pelan tindakan spesifik bagi setiap Wilayah Persekutuan, iaitu, Pelan Utama Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya 2018-2025 bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Pelan Tindakan Bandar Pintar Wilayah Persekutuan Labuan 2021-2030 bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga kini, melalui semua pelan tindakan ini, Kuala Lumpur telah mencapai 22 daripada 28 inisiatif, Putrajaya mencapai 70 daripada 92 inisiatif dan Labuan mencapai 16 daripada 50 inisiatif yang telah ditetapkan.

YB Dr. Zaliha Mustafa menegaskan bahawa pelaksanaan inisiatif ini memerlukan kerjasama strategik antara pelbagai pihak, termasuk kementerian, agensi kerajaan, penyedia teknologi, komuniti dan pihak swasta. Ini penting bagi menjamin keberkesanan aspek kewangan, pengurusan dan penggalakan pembangunan ekonomi tempatan.

Menjelang tahun 2025, pelaksanaan bandar pintar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan akan mengambil kira pendekatan analitik data raya (*big data analytics*) dan teknologi masa nyata (*real time technology*) dalam pembuatan keputusan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah lebih tepat dan bersasar.

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) percaya bahawa melalui inisiatif bandar pintar ini, Wilayah Persekutuan dapat merealisasikan visinya sebagai Bandar CHASE yang lebih maju, mampan dan berdaya saing.

\*\*\*

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Jabatan Wilayah Persekutuan**

**20 November 2024**